

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN : 49

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status penyerahan set decoder MYTV kepada penduduk diseluruh Malaysia dan bagaimanakah kaedah pengagihan dilaksanakan kepada golongan sasaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan infrastruktur TV *terrestrial* digital bagi Fasa 1 telah selesai pada April 2016. Sehingga kini, hampir 85% kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia telah diliputi dengan perkhidmatan TV digital.

Pihak MYTV kini sedang meneruskan pelaksanaan Fasa 2 untuk memperluaskan liputan siaran TV digital dari 85% kepada 98% kawasan berpenduduk di seluruh negara. Pihak MYTV, selaku syarikat pelaksana Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional menggunakan senarai sedia